

Laluan percuma sebulan

Kadar tol SMART akan dikemuka kepada Kabinet Februari

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Kementerian Kerja Raya akan mengemukakan kertas cadangan kadar tol laluan Projek Jalan dan Terowong Pengurusan Air Banjir (SMART) yang akan dibuka kepada lalu lintas akhir Mac ini, kepada Kabinet pertengahan Februari.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata kementerian sudah menerima kertas cadangan kadar tol daripada syarikat pengurusan projek berkenaan, Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong Sdn Bhd, iaitu kerjasama Gamuda Bhd (Gamuda) dan MMC Corporation Bhd (MMC).

“Mereka mengemukakan kos yang sudah dikeluarkan untuk pembinaan laluan trafik. Kementerian saya akan menelitinya dan mengemukakan kepada Kabinet dua minggu lagi. Hanya selepas persetujuan Kabinet kadar tol ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat projek berkenaan di Sungai Besi, di sini semalam. Hadir sama, Pengarah Eksekutif Gamuda, Datuk Azmi Mat Noor dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Datuk Mohd Noor Yaakob.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kos dikemukakan syarikat berkenaan.

“Kerajaan juga akan meneliti kos yang kita keluarkan untuk projek ini. Jangan bimbang, sebelum laluan ini dikenakan tol, kita akan beri laluan percuma selama sebulan,” katanya.



ELAK KESESAKAN: Laluan Projek Jalan dan Terowong Pengurusan Air Banjir (SMART) dibuka kepada lalu lintas akhir Mac ini.

FAKTA NOMBOR

SMART

4km

Laluan trafik

RM1.93b

Kos projek

Samy Vellu berkata, laluan trafik sepanjang empat kilometer (km) bagi tingkat atas dan tingkat bawah terowong yang dibina di atas terowong laluan air itu setakat ini 94 peratus siap, manakala terowong laluan air akan hanya siap menjelang Jun depan.

Keseluruhan projek bernilai RM1.93 bilion itu dimulakan pada Januari 2003. Daripada keseluruhan kos itu, RM1.3 bilion dibiaya kerajaan, manakala bakinya oleh Gamuda dan MMC. Sebanyak 16 pondok tol disediakan bagi laluan masuk dan

keluar dari pusat bandar raya.

Laluan masuk ke terowong berkenaan adalah bersebelahan Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Jalan Sungai Besi, Jalan Sultan Ismail (bersebelahan bangunan Berjaya Time Square) dan Jalan Tun Razak (berhadapan bangunan RHB).

Beliau berkata, laluan SMART adalah laluan alternatif terus ke pusat bandar yang ketika ini menampung 200,000 kenderaan sehari, sekali gus menjadikannya antara laluan paling sesak di bandar raya.